PENUBUHAN AKADEMI BAHASA ARAB KAHERAH (ALAC) DAN SUMBANGANNYA KEPADA PERKEMBANGAN BAHASA ARAB STANDARD MODEN (MSA)

Maizatul Ikramina Izzati Binti Darman
Universiti Malaysia Sabah
maizatul_darman_mq23@iluv.ums.edu.my

Abstract: Perkembangan pesat dalam bidang sains, teknologi dan komunikasi global menuntut sesuatu bahasa untuk terus berkembang agar kekal relevan sebagai bahasa ilmu dan pentadbiran moden. Bahasa Arab yang berakar kukuh dengan tradisi klasik dan warisan keagamaan turut berhadapan cabaran untuk mengekalkan fungsi komunikatifnya dalam dunia kontemporari tanpa menjejaskan identiti linguistiknya. Dalam konteks ini, penubuhan Akademi Bahasa Arab Kaherah (ALAC) pada tahun 1932 merupakan satu langkah penting dalm usaha perancangan bahasa secara institusional. Walaupun kajian terdahulu banyak meneliti sejarah penubuhan ALAC dan tokoh yang terlibat, analisis komprehensif yang menghubungkan peranan ALAC dengan perkembangan Bahasa Arab Standard Moden (MSA) dari masih terhad. Artikel ini bertujuan meneliti latar sejarah penubuhan ALAC serta menganalisis sumbangannya terhadap perkembangan MSA berdasarkan kerangka teori perancangan bahasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap sumber primer dan sekunder. Dapatan menunjukkan bahawa ALAC memainkan peranan signifikan dalam pembinaan istilah saintifik, pembangunan leksikografi moden, reformasi tatabahasa serta standardisasi penggunaan bahasa rasmi. Walau bagaimanapun, terdapat jurang antara perancangan bahasa institusi dan penggunaan sebenar dalam masyarakat, khususnya dalam era digital. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih kritikal tentang peranan institusi dalam memastikan kerelevanan bahasa dalam landskap moden.

Keywords: Akademi Bahasa Arab Kaherah, Bahasa Arab Standard Moden, leksikografi, perancangan bahasa, standardisasi istilah

1. Pendahuluan

Bahasa merupakan medium utama komunikasi manusia dalam menyampaikan maklumat serta membina kehidupan bermasyarakat. Dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi, sesuatu bahasa perlu sentiasa mengalami penyesuaian agar kekal relevan sebagai bahasa komunikasi, pentadbiran dan ilmu (Crystal, 2000). Bahasa yang tidak berkembang akan semakin ketinggalan, mengalami penurunan fungsi dalam masyarakat, dan akhirnya berisiko pupus ditelan zaman. Fenomena ini dapat dilihat pada bahasa-bahasa kuno seperti bahasa Latin dan Aramaik yang tidak lagi mempunyai penutur natif, serta beberapa bahasa yang kini berada dalam kategori terancam seperti bahasa Melayu Sri Lanka dan bahasa Bangka di Indonesia (UNESCO, 2010). Hakikat ini menunjukkan bahawa kelangsungan sesuatu bahasa bukan sahaja bergantung kepada sejarahnya, tetapi juga kepada keupayaannya dalam menyesuaikan diri dengan perubahan semasa.

Dalam konteks ini, bahasa Arab mempunyai kedudukan yang unik sebagai salah satu bahasa tertua di Timur Tengah yang kaya dengan warisan intelektual dan tradisi penulisan. Bahasa ini bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa komunikasi, tetapi juga sebagai bahasa agama melalui penulisan al-Qur'an al-Karim, di samping kewujudan manuskrip dan batu bersurat yang berusia lebih seribu tahun (Versteegh, 2014). Kekuatan tradisi tulisan ini menjadikan bahasa Arab lebih terjamin kelestariannya berbanding bahasa yang hanya bergantung kepada tradisi lisan. Namun demikian, keterikatan bahasa Arab kepada bentuk klasik yang sarat dengan nilai estetika telah mewujudkan cabaran dalam usaha pemodenan, khususnya dalam menyesuaikan bahasa tersebut dengan keperluan dalam bidang sains, teknologi dan komunikasi global yang sentiasa berkembang (Ghanim, 2005: 205)

Selain itu, kelestarian sesuatu bahasa amat bergantung kepada kesedaran masyarakat penuturnya untuk terus menggunakannya dan mengembangkannya selari dengan perubahan zaman (Fishman, 1991). Jika masyarakat natif mempunyai kesedaran ini, bahasa tersebut bukan sahaja mampu bertahan, malah dapat memperkukuh jati diri dan identiti mereka pada masa hadapan. Sebaliknya, jika kesedaran tersebut

semakin pudar dan masyarakat lebih cenderung mengutamakan bahasa lain dalam arus globalisasi, maka bahasa tersebut berisiko mengalami kemerosotan fungsi dan akhirnya pupus.

Dalam kes bahasa Arab, isu relevansi dalam ranah pertuturan moden telah lama mendapat perhatian, khususnya dalam kalangan masyarakat natif Arab. Perbincangan ini tidak hanya terhad kepada golongan ilmuwan, bahkan turut disuarakan oleh sasterawan seperti Hafiz Ibrahim melalui puisinya yang berkata di atas "lidah" bahasa Arab:

رجعت لنفسي فاتهمت حصاتي :: وناديت قومي فاحتسبت حياتي
رموني بعمق في الشباب وليتني :: عقمت فلم أجزع لقول عداتي
ولدت ولما لم أجد لعرائسي :: رجالا وأكفاء وأدت بناتي
وسعت كتاب الله لفظا وغاية :: وما ضقت عن آي به وعظات
فكيف أضيق اليوم عن وصف آلة :: وتنسيق أسماء لمخترعات؟

Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah diambil dan bermacam-macam usaha dijalankan bagi memastikan kebolehgunaan bahasa Arab di era milenial. Antaranya ialah penubuhan ALAC pada tahun 1932 sebagai institusi perancangan bahasa yang memainkan peranan dalam pembinaan korpus, penggubalan istilah moden dan standardisasi penggunaan bahasa (Ryding, 2005). Usaha ini telah menyumbang kepada perkembangan MSA yang kini digunakan secara meluas dalam pelbagai urusan rasmi, pendidikan dan media. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek sejarah dan deskriptif penubuhan ALAC, tanpa menilai secara kritikal impak sebenar institusi ini terhadap penggunaan MSA dalam masyarakat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sumbangan ALAC terhadap perkembangan MSA dari perspektif perancangan bahasa. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih komprehensif tentang hubungan antara perancangan bahasa dan dinamika penggunaan bahasa dalam era moden.

1.1 *Beberapa jenis bahasa Arab sepanjang fasa perkembangannya*

Bahasa Arab terbahagi kepada dua peringkat, iaitu bahasa Arab klasik (*Classical Arabic*) dan bahasa Arab moden (*Modern Standard Arabic*) (Aboelezz, 2016). Seiring dengan penggunaan kedua-dua istilah tersebut, terdapat juga bahasa Arab kuno (*Old Arabic*) yang tertulis pada batu-batu bersurat di padang pasir sekitar Semenanjung Arab dan bahasa Arab kolokial (*Colloquial Arabic*) yang dibahaskan oleh orientalis-orientalis barat seperti C. Brockelmann (1977: 28-29), G. Bergstrasser (1994) dan D. L. O'Leary (1951). Keempat-empat varian bahasa Arab ini memainkan peranannya tersendiri dalam menggambarkan perkembangan sejarah bahasa Arab secara dinamik seiring perubahan era, tetapi yang menjadi perhatian pengkaji dalam artikel ini ialah bahasa Arab klasik dan bahasa Arab moden sahaja kerana kebergunaannya dalam pelbagai sektor bidang penulisan.

Tidak dinafikan terdapat perbezaan pandangan mengenai bahasa Arab klasik dan bahasa Arab moden mengenai status perbezaan antara bahasa Arab klasik dan bahasa Arab moden (Holes, 2004), namun apa yang pasti, pengkelasan dibuat dalam kajian ini bagi memperlihatkan ciri-ciri khusus dan distingtif yang terdapat dalam kedua-dua bahasa contohnya kosa kata, sistem bunyi dan struktur ayat.

Bahasa Arab klasik boleh difahami sebagai bahasa *fusha* (standard) yang dipertuturkan oleh sesetengah kabilah Arab sejak kira-kira 150 tahun sebelum hijrah hingga 150 selepas hijrah. Bahasa itu akhirnya menjadi bahasa liturgikal yang mempunyai nilai estetika tinggi apabila al-Qur'an diturunkan dalam bahasa tersebut dan Rasulullah SAW menggunakannya dalam pertuturan harian. Sewaktu terjadi perkembangan Islam ke sebelah timur dan barat, bahasa ini juga menjadi medium pertuturan yang meluas sebelum penggunaannya menguncup secara drastik bermula pemerintahan Bani 'Abbas di Baghdad. Akan tetapi, penggunaan bahasa Arab fusha terus bertahan dalam bentuk penulisan pada beberapa abad kemudian, meskipun dalam domain pertuturan, ia sudah terhapus sama sekali dengan digantikan oleh bahasa Arab kolokial (Setiyadi, 2011). Adapun bahasa Arab standard moden pula ialah bahasa yang sering kali digunakan dalam perhubungan rasmi seperti penulisan dan penerbitan oleh akhbar-akhbar dan majalah berbahasa Arab setelah atribut bahasa Arab fusha disesuaikan dengan

bahasa-bahasa kolonial yang menjajah negara Arab bermula tahun 1798 (Boudelaa & Marslen-Wilson, 2010).

2. Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah dijalankan mengenai sejarah kemunculan ALAC. Antara karya terawal ialah Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah fī Khamsīna ‘Āman oleh Shawqī Ḍayf (1984) yang menghuraikan sejarah penubuhan, struktur organisasi serta peranan majma’ sepanjang lima puluh tahun pertama penubuhannya. Kajian ini menekankan sumbangan ALAC dalam penganjuran persidangan ilmiah, penerbitan jurnal, pengeluaran resolusi bahasa serta usaha pemeliharaan warisan linguistik dan penyusunan kamus serta istilah saintifik. Beliau turut menonjolkan peranan majma’ dalam usaha pemudahcaraan tatabahasa (taisīr al-naḥw) dan pembaharuan sistem penulisan sebagai sebahagian daripada proses pemodenan bahasa Arab.

Seterusnya, Muḥammad Rashād al-Ḥamzāwī (1988) dalam karyanya A’māl Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah bi al-Qāhirah Manāhij Tarqiyyah al-Lughah Tanẓīran wa Musṭalaḥan wa Mu’jaman membincangkan latar belakang penubuhan majma’, struktur organisasi dan metodologi reformasi bahasa yang dilaksanakan oleh ALAC. Beliau meneliti isu sinonim, antonim, majaz dan semantik, pembaharuan ejaan dan tulisan, kajian fonetik dan linguistik moden serta perbahasan tentang dialek. Selain itu, beliau memperincikan usaha majma’ dalam pembinaan istilah melalui derivasi, naḥt dan ta‘rīb, di samping pembangunan nahu, gaya bahasa serta penyusunan karya leksikografi seperti al-Mu‘jam al-Wasīṭ, Mu‘jam Alfāẓ al-Qur’ān dan al-Mu‘jam al-Kabīr. Secara keseluruhannya, kedua-dua kajian ini mengiktiraf peranan ALAC dalam pemodenan dan standardisasi MSA, namun dengan pendekatan yang berbeza; Shawqī Ḍayf (1984) memberikan gambaran sejarah secara menyeluruh, manakala al-Ḥamzāwī (1988) menumpukan analisis terhadap metodologi dan pelaksanaan reformasi bahasa.

Selain itu, kajian ‘Abd al-‘Aẓīm Fatḥī Khalīl (2012) yang bertajuk Juhud ‘Ulama’ al-Kuliyyah fī Majma’ al-Lughah al-’Arabiyyah membincangkan peranan dan sumbangan ilmiah tokoh-tokoh bahasa Arab dalam ALAC. Kajian tersebut merangkumi latar penubuhan majma’, tujuan penubuhannya serta aktiviti yang dijalankan, diikuti perbincangan khusus tentang sumbangan beberapa tokoh seperti Sheikh Ibrāhīm Ḥamrush, Sheikh Muḥammad ʿAlī al-Najjār, Sheikh Muḥammad Muḥyi al-Din ʿAbd al-Hamīd, Sheikh Muḥammad al-Faḥḥam, Muḥammad Rifaʿat Fatḥullah, Muḥammad al-Ṭayyib al-Najjār, Muḥammad Nāil Aḥmad dan Ibrāhīm ʿAbd al-Rāziq al-Basyunī. Kajian ini menunjukkan bahawa tokoh-tokoh tersebut memainkan peranan penting dalam penyelidikan bahasa, pembinaan istilah dan penggubalan dasar bahasa, sekali gus menyumbang kepada perkembangan dan pengukuhan bahasa Arab moden melalui penglibatan mereka di dalam ALAC.

Di samping itu, penerbitan buku Majma’ Al-Lughah Al-’Arabiyyah bi Al-Qāhirah wa Taṭawwur al-Fikri al-Mu’jamīy karya Ḥilmī al-Sayyid Maḥmud Abū Ḥasan (2004) turut membahaskan sumbangan ALAC dalam bidang leksikografi. Karya ini menjelaskan usaha ALAC dalam penerbitan semula kamus-kamus lama, penambahbaikan kaedah penyusunan kamus supaya lebih teratur dan jelas, serta penghasilan kamus moden dan kamus istilah bagi pelbagai bidang ilmu. Selain itu, ALAC juga menggubal dan menyeragamkan istilah sains dan teknologi melalui kaedah terbitan kata dan penyesuaian istilah asing, yang membantu memperkaya kosa kata bahasa Arab dan mengukuhkan perkembangan pemikiran leksikografi moden.

Berdasarkan sorotan literatur tersebut, dapat dilihat bahawa kajian-kajian terdahulu telah meneliti aspek sejarah, struktur, metodologi reformasi bahasa, sumbangan tokoh serta perkembangan leksikografi ALAC. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis secara lebih terfokus sumbangan ALAC terhadap perkembangan MSA.

2.1 *Kerangka Teori: Perancangan Bahasa*

Kajian ini berlandaskan kerangka teori perancangan bahasa (*language planning theory*) yang menekankan peranan institusi dalam membentuk, mengawal dan mengembangkan bahasa dalam masyarakat. Teori ini diperkenalkan oleh sarjanaa seperti Haugen (1983) dan Cooper (1989), yang melihat bahasa bukan sekadar sistem komunikasi, tetapi sebagai entiti sosial yang dipengaruhi oleh faktor politik, ekonomi dan budaya. Secara asasnya, perancangan bahasa terdiri tiga komponen utama, iaitu *corpus planning, status planning dan acquisition planning* (Cooper, 1989). Ketiga-tiga komponen ini saling berkait bagi memastikan sesuatu bahasa dapat berfungsi secara efektif dalam pelbagai domain kehidupan moden.

Pertama, *corpus planning* merujuk kepada usaha pembinaan dan penstrukturan sistem dalaman bahasa, termasuk pembentukan istilah baharu, pembaharuan ejaan, penyusunan tatabahasa dan pembangunan kamus (Haugen, 1983). Dalam konteks kajian ini, ALAC berperanan sebagai institusi utama dalam melaksanakan *corpus planning* melalui pembinaan istilah sains dan teknologi, penerbitan kamus autoritatif serta usaha menstandardisasi bahasa Arab moden. Aktiviti ini mencerminkan usaha sistematik untuk menyesuaikan bahasa Arab dengan keperluan ilmu kontemporari tanpa mengabaikan akar tradisi klasiknya.

Kedua, *status planning* merujuk kepada usaha menentukan kedudukan dan fungsi bahasa dalam masyarakat, khususnya dalam domain rasmi seperti pendidikan, pentadbiran dan media (Fishman, 1991). Dalam hal ini, ALAC memainkan peranan tidak langsung dalam memperkukuh kedudukan MSA sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu di dunia Arab. Walaupun ALAC bukan institusi politik, namun resolusi dan cadangan yang dihasilkan memberi pengaruh terhadap dasar bahasa serta penggunaan bahasa dalam sektor formal.

Ketiga, *acquisition planning* merujuk kepada usaha memperluaskan penggunaan bahasa melalui sistem pendidikan dan pembelajaran (Cooper, 1989). Walaupun aspek ini bukan fokus utama ALAC, reformasi nahu dan penyederhanaan bahasa yang diperkenalkan oleh akademi secara tidak langsung menyumbang kepada kemudahan pembelajaran bahasa Arab dalam sistem pendidikan moden.

Walau bagaimanapun, teori perancangan bahasa turut menekankan bahawa kejayaan sesuatu perancangan tidak hanya bergantung kepada usaha institusi semata, tetapi juga melihat kepada penerimaan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat (Fishman, 1991). Dalam hal ini, institusi bahasa masih berdepan cabaran dalam memastikan penerimaan secara meluas, khususnya apabila bertembung dengan kebiasaan linguistik, dialek tempatan dan pengaruh bahasa asing.

Secara keseluruhannya, kerangka teori tersebut membolehkan kajian ini menilai peranan ALAC bukan sahaja sebagai institusi sejarah, tetapi sebagai agen perancangan bahasa yang beroperasi dalam ekosistem linguistik yang kompleks dan sentiasa berubah. Pendekatan ini juga membantu menjelaskan jurang antara usaha standardisasi bahasa dan realiti penggunaan bahasa dalam masyarakat.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen bagi meneliti sumbangan ALAC terhadap perkembangan MSA. Data kajian diperoleh daripada sumber primer dan sekunder yang terdiri daripada karya-karya ilmiah berkaitan ALAC, termasuk buku, artikel akademik, resolusi rasmi ALAC serta penerbitan leksikografi yang dihasilkan oleh institusi tersebut.

Proses pengumpulan data dilakukan melalui penelitian sistematik terhadap bahan-bahan yang relevan dengan fokus kajian, khususnya yang membincangkan aspek pemodenan bahasa, standardisasi istilah, reformasi nahu dan ejaan serta pembangunan kamus. Data yang diperoleh kemudian dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan *(content analysis)* bagi mengenal pasti tema-tema utama berkaitan bentuk dan mekanisme sumbangan ALAC terhadap perkembangan MSA. Analisis turut

dilakukan secara interpretatif bagi menilai hubungan antara perancangan bahasa institusi dan realiti penggunaan bahasa dalam masyarakat.

4. Sejarah Kemunculan Bahasa Arab Standard Moden (MSA)

Pada abad ke-19, penggunaan istilah MSA mula digunakan apabila terdapat beberapa pengguguran pada perbendaharaan kata dan istilah klasik serta penambahan dalam istilah ilmiah baharu seiring dengan kemodenan yang begitu pantas. Al-Huri (2015) menganggap bahawa MSA adalah edisi baharu bagi bahasa Arab klasik (CA). Begitu juga dengan Versteegh (1997) yang bersepakat mengatakan kemunculan MSA sebagai era kelahiran semula CA. Namun, pada awal penggunaannya, istilah ini tidak begitu disokong oleh beberapa ahli sarjana bahasa kerana mereka beranggapan bahawa penggunaan MSA adalah satu usaha untuk menggantikan istilah CA yang telah digunakan sejak dulu lagi. Para sarjana mengatakan bahawa hanya wujud satu sahaja bahasa Arab dari dahulu sehingga kini (Van Mol, 2003). Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa MSA adalah satu bentuk transformasi dalam bahasa Arab bagi memenuhi keperluan dalam perkembangan bahasa seiring dengan era kemodenan.

Jika dilihat dari segi sejarahnya, proses perkembangan bahasa Arab bermula di Mesir dan Syria pada abad ke-19. Hal ini disebabkan kedua-dua negara ini telah banyak menerima pengaruh asing dalam bidang intelektual, sosial dan politik. Perkara tersebut dapat dilihat melalui kedatangan Napoleon ke Mesir pada tahun 1978 yang membawa kepada pengenalan percetakan akhbar buat pertama kalinya di Mesir. Dalam tempoh yang sama, usaha penterjemahan literatur Barat termasuk karya-karya dalam bidang sains dan perubatan ke dalam bahasa Arab turut giat dijalankan. Proses ini menyebabkan kemunculan banyak istilah baharu bagi menampung perkembangan ilmu pengetahuan moden yang dibawa masuk dari Barat ke wilayah-wilayah Timur Tengah (Tiawaldi & Abdul Wahab, 2017).

Seiring dengan era modenisasi, perkembangan bahasa Arab semakin pesat dengan kemunculan radio dan televisyen yang membolehkan negara-negara Arab membangun hubungan di peringkat serantau dan antarabangsa (Zainur Rijal, 2023). Keadaan ini menyebabkan banyak istilah, khususnya dalam bidang sains dan teknologi, diserap masuk ke dalam bahasa Arab secara tidak terkawal. Hal ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan cendekiawan bahasa kerana dikhuatiri akan memberi kesan negatif terhadap keaslian bahasa Arab.

Dalam era perkembangan teknologi ini, telah wujud budaya interlingual global yang menyebabkan bahasa saling mempengaruhi antara satu sama lain. Situasi ini memaksa sesuatu bahasa untuk beradaptasi dengan perubahan tersebut, termasuk bahasa Arab yang perlu menyesuaikan kosa kata, istilah dan gaya penulisan bagi menangani konsep moden yang sebelum ini tidak wujud dalam budaya bahasa Arab klasik. Oleh itu, langkah terbaik yang boleh diambil ialah melalui pemantauan dan penjagaan bahasa secara sistematik agar tidak tercemar. Justeru, bagi mengawal proses modenisasi bahasa Arab, negara-negara Arab mencadangkan penubuhan akademi bahasa sebagai institusi yang berperanan menjaga kelestarian bahasa Arab (Zainur Rijal, 2023).

5. Sejarah Penubuhan Akademi Bahasa Arab Kaherah (ALAC)

Penubuhan Akademi Bahasa Arab Kaherah (ALAC) tidak muncul secara spontan dan telah merentasi proses sejarah yang panjang selama hampir 70 tahun, pelbagai usaha telah dilakukan sama ada secara individu, pertubuhan ilmiah dan intervensi kerajaan sehingga institusi tersebut dapat dibangunkan secara rasminya pada tahun 1932. Idea awal penubuhan akademi bahasa Arab telah tercetus sejak tahun 1870-an lagi, tujuan utamanya adalah untuk memelihara kelestarian bahasa Arab daripada kemasukan istilah asing dan keperluan kepada pemodenan bahasa. Jika dirungkai dari sejarahnya, penubuhan ALAC dapat dibahagikan kepada empat fasa:

5.1 *Fasa Pertama: Kesedaran Bahasa dan Kritikan Sosial (Awal Abad ke-19)*

Bermula pada awal abad ke-19 seiring dengan kebangkitan gerakan al-Nahḍah di Mesir dan Syria. Dalam tempoh ini, kesedaran terhadap kedudukan bahasa Arab mula timbul dalam kalangan golongan intelektual akibat perubahan sosial dan politik yang berlaku hasil hubungan langsung dengan negara Barat. Kedatangan Napoleon ke Mesir pada tahun 1978, perkembangan percetakan, kemunculan akhbar serta kemajuan sistem pendidikan moden telah membuka ruang kepada penyebaran idea baharu dan penterjemahan karya-karya Barat ke dalam bahasa Arab. Keadaan ini menimbulkan perdebatan tentang kemampuan bahasa Arab untuk menggunakan istilah moden, khususnya dalam bidang sains, pentadbiran dan teknologi (Fathī Khalīl, 2012).

Pada peringkat ini juga, kritikan sosial terhadap kelemahan penggunaan bahasa, kecelaruan istilah serta penggunaan dialek dalam pertuturan semakin ketara. Para cendekiawan mula membincangkan isu kemunduran bahasa Arab berbanding bahasa Eropah serta menyeru kepada usaha pembaharuan dan pemodenan bahasa. Walaupun belum terdapat cadangan rasmi penubuhan institusi bahasa, fasa ini menjadi asas kepada kesedaran tentang perlunya satu mekanisme tersusun bagi memelihara, memperkaya dan menyesuaikan bahasa Arab dengan tuntutan zaman moden (Fathī Khalīl, 2012).

5.2 *Fasa Kedua : Cadangan Penubuhan Badan Bahasa (Pertengahan Abad ke-19)*

Bermula pada pertengahan abad ke-19, kesedaran para cendekiawan semakin kuat tentang keperluan sebuah badan pemantau untuk memelihara keselamatan bahasa Arab daripada tercemar akibat pengaruh kemasukan istilah asing dan perkembangan sains moden pada ketika itu. Antara tokoh yang mencadangkan kepada penubuhan institusi ialah Aḥmad Fāris al-Shidyāq (w. 1304H/1887 M) melalui penulisan dalam akhbar al-Jawāib pada tahun 1860, beliau menyeru untuk menubuhkan badan bahasa yang bertanggungjawab menggantikan perkataan asing dengan istilah Arab serta mengajak ahli bahasa yang lain untuk menjayakan idea tersebut. Usaha yang sama juga dilakukan oleh ‘Abdullah Bāshā Fikrī pada tahun 1876 dan ‘Abdullah al-Nadīm pada tahun 1893, seruan untuk mencipta dan menyusun istilah Arab moden, menghidupkan kosa kata klasik untuk penggunaan moden dan mengkritik penggunaan dialek (bahasa ‘ammī) sebagai bahasa tulisan (Fathī Khalīl, 2012 & Farīs al-’Asīmī, 2003). Justeru fasa ini memperlihatkan peningkatan kesedaran dan cadangan awal dalam kalangan ahli bahasa moden ke arah penubuhan badan rasmi yang lebih konkrit.

5.3 *Fasa Ketiga : Percubaan Awal Penubuhan Badan Bahasa (Akhir Abad ke-19 sehingga Awal Abad ke-20)*

Pada fasa ini, para cendekiawan mula berusaha menubuhkan sebuah badan bahasa yang bersifat formal. Usaha terawal ini direalisasikan melalui penubuhan Majma’ al-Bakrī pada tahun 1892 dengan penglibatan beberapa tokoh ulama’, termasuk Sheikh Maḥmud al-Syinqīṭī (w. 1322H/1904M), Sheikh Muḥammad ‘Abduh (w. 1323H/1905M), Sheikh Hamzah Fatḥullah (w. 1336H/1918M), Ḥifni Nāṣif (w. 1338H/1920M) dan Sheikh Ḥasan al-Ṭawīl (w. 1318H/1900M). Bagi memastikan kelangsungan dan ketertiban badan bahasa tersebut, satu set peraturan dalaman telah digubal, antaranya menetapkan keanggotaan seramai 50 orang. Seterusnya, Sheikh Tawfīq al-Bakrī (w. 1351H/1932M) dilantik sebagai pengerusi, manakala Sheikh Maḥmud al-Syinqīṭī dan Sheikh Muḥammad ‘Abduh masing-masing menyandang jawatan naib pengerusi. Sepanjang tempoh penubuhannya, badan ini telah mengadakan tujuh kali mesyuarat yang berfokuskan kepada penggubalan istilah-istilah bahasa Arab moden. Mesyuarat terakhir berlangsung pada 17 Februari 1893. Namun demikian, pertubuhan ini tidak bertahan lama dan akhirnya dibubarkan beberapa bulan selepas ditubuhkan akibat ketiadaan sokongan rasmi daripada pihak kerajaan (Fathī Khalīl, 2012; Farīs al-’Asīmī, 2003).

Pada tahun 1900, satu lagi usaha pembaharuan bahasa Arab telah digerakkan oleh Sheikh Muḥammad ‘Abduh melalui penubuhan sebuah persatuan yang dinamakan *Iḥyā’ al-‘Ulūm al-‘Arabiyyah*. Penubuhan persatuan ini dianggap sebagai benih awal kepada pembentukan sebuah institusi baharu yang bertujuan memperbaiki keadaan bahasa Arab agar kembali kepada tahap standard yang lebih tinggi dalam bidang penulisan dan keilmuan. Selain itu, persatuan ini juga berhasrat memperbaharui

gaya penulisan (*tajdīd uslūb al-ta'līf*) di samping menghidupkan semula karya-karya ulama terdahulu dengan pendekatan penulisan yang lebih sesuai dengan keperluan zaman. Sepanjang tempoh penubuhannya, persatuan ini telah menyumbang melalui penerbitan karya *Al-Mukhaṣaṣ* karangan Ibn Sīdah. Namun demikian, usaha ini tidak dapat bertahan lama selepas kewafatan pengerusinya, Sheikh Muḥammad 'Abduh. Walau bagaimanapun, kesinambungan gagasan tersebut cuba diteruskan oleh anak muridnya, Muhammad Rashīd Riḍā (w. 1935M) (Fathī Khalīl, 2012).

Pada tahun 1906, Muhammad Rashīd Riḍā telah mengemukakan seruan melalui Majalah *al-Manār* tentang keperluan menubuhkan sebuah institusi bahasa yang dianggotai oleh para ulama dan pakar bahasa Arab. Penubuhan institusi ini menghala kepada dua tujuan utama, iaitu penyusunan kaedah yang jelas bagi memastikan institusi tersebut tidak menyimpang daripada prinsip asalnya, serta penghasilan istilah dan idea baharu, khususnya istilah moden, melalui medium akhbar dan penerbitan agar dapat digunakan secara meluas oleh masyarakat (Farīs al-'Āṣimī, 2003). Namun, seruan ini tidak disertai dengan pelaksanaan yang konkrit, sekali gus menyebabkan usaha tersebut berakhir dengan kegagalan, sebagaimana yang berlaku kepada institusi sebelumnya. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh ketiadaan sokongan daripada institusi rasmi, di samping hakikat bahawa usaha kebahasaan merupakan suatu tanggungjawab besar yang sukar dilaksanakan secara individu, kerana inisiatif sedemikian memerlukan struktur organisasi yang kukuh untuk mencapai kejayaan. (Fathī Khalīl, 2012; Farīs al-'Asīmī, 2003)

Pada tahun 1907, sebuah kelab yang dianggotai oleh para graduan Dār al-'Ulūm telah ditubuhkan oleh Ḥifnī Nāṣif. Penubuhan kelab ini bertujuan untuk menetapkan istilah-istilah moden, khususnya sebagai reaksi terhadap penggunaan terjemahan asing tanpa padanan bahasa Arab. Di samping itu, kelab ini juga berperanan menyelidiki istilah-istilah *'āmiyyah* serta mengenal pasti istilah yang mempunyai asal-usul daripada bahasa Arab. Walau bagaimanapun, kelab ini tidak dapat bertahan lama kerana berlakunya pelbagai khilaf (perselisihan) dalam kalangan ahlinya, yang akhirnya menjejaskan kelangsungan peranannya (Fathī Khalīl, 2012; Farīs al-'Asīmī, 2003)

Seterusnya, pada tahun 1910, Kementerian Pelajaran Mesir (KPM) menyedari kewujudan masalah dalam penggunaan bahasa Arab dalam kalangan kakitangan dan pelajar. Kesedaran ini mendorong kementerian tersebut melihat keperluan untuk melantik pihak yang bertanggungjawab bagi memperbaiki penggunaan bahasa Arab secara lebih sistematik. Sehubungan itu, Aḥmad Ḥisymat Bāshā (w. 1926M), yang merupakan salah seorang menteri ketika itu, telah menubuhkan sebuah *majma'* (akademi) kecil dengan tujuan menetapkan istilah-istilah ilmiah. Akademi bahasa ini dianggotai oleh enam orang ulama dan dikenali sebagai *Lajnah al-Iṣṭilāḥāt al-'Ilmiyyah*. Namun demikian, akademi ini turut dibubarkan selepas Aḥmad Ḥisymat Bāshā meletakkan jawatannya (Fathī Khalīl, 2012; Farīs al-'Asīmī, 2003).

Pada tahun 1916, satu percubaan yang lebih tersusun dan serius untuk menubuhkan sebuah akademi bahasa telah dilakukan hasil pertemuan sekumpulan kecil ulama di Madinah. Usaha ini kemudiannya berkembang dengan penubuhan Majma' Dār al-Kutub, yang mendapat sokongan kukuh apabila Aḥmad Luṭfī al-Sayyid (w. 1963M) menyediakan sebuah tempat khas sebagai pusat pertemuan para ilmuwan dan sasterawan. Antara tokoh besar yang terlibat dalam pertemuan awal tersebut ialah Sheikh Salīm al-Bishrī (w. 1916M), Sheikh Abū al-Faḍil al-Jizāwī (w. 1927M), Ḥifnī Nāṣif (w. 1920M), Sheikh Muḥammad Bakhīt al-Muṭī'ī (w. 1935), Sheikh Rashīd Riḍā (w. 1935M), Aḥmad Taymūr Bāshā (w. 1930M), serta Aḥmad Luṭfī al-Sayyid sendiri. Hasil daripada pertemuan tersebut, mereka mencapai persetujuan untuk menubuhkan sebuah akademi bahasa yang mengambil model Akademi Perancis. Akademi ini dianggotai seramai 28 orang ahli, dengan Sheikh Salīm al-Bishrī, yang ketika itu memegang jawatan Sheikh al-Azhar, dipilih sebagai presiden. Aḥmad Luṭfī al-Sayyid pula dilantik sebagai setiausaha yang bertanggungjawab menyimpan dokumen rasmi serta merekodkan peraturan dan undang-undang akademi. Undang-undang (*qānūn*) pertama akademi ini telah dikeluarkan pada tahun 1917 (Fathī Khalīl, 2012; Farīs al-'Asīmī, 2003).

Tujuan utama penubuhan akademi ini adalah untuk menyusun sebuah kamus moden yang memenuhi keperluan zaman, khususnya dalam bidang sains, seni, teknologi dan industri, di samping

menyelaraskan penggunaan istilah-istilah baharu yang sesuai dengan struktur bahasa Arab. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, akademi ini telah menubuhkan enam buah jawatankuasa yang bertanggungjawab membincangkan pelbagai bidang kajian, antaranya istilah falsafah moden, penamaan alat dan mesin, istilah fonetik, serta isu terjemahan dan *ta'rīb* (arabisasi). Akademi ini telah mengadakan kira-kira 14 mesyuarat sebelum aktivitinya terhenti sementara akibat tercetusnya Revolusi Mesir pada tahun 1919M. Walaupun usaha ini tidak mencapai kejayaan yang berpanjangan, penghimpunan tokoh-tokoh ilmuwan terkemuka tersebut mencerminkan tahap kesedaran ilmiah yang tinggi terhadap kepentingan pembinaan sebuah institusi bahasa. Kegagalan ini turut memperlihatkan hakikat bahawa sokongan negara serta kestabilan politik merupakan faktor asas dalam memastikan kelangsungan dan keberkesanan sesebuah institusi bahasa (Fathī Khalīl, 2012; Farīs al-'Asīmī, 2003).

Pada tahun 1921M, para ahli bahasa dan cendekiawan tidak berputus asa dalam usaha menubuhkan sebuah *majma'*, meskipun pelbagai percubaan sebelumnya berakhir dengan kegagalan. Sehingga tiga tahun kemudian, mereka kembali membincangkan pembaharuan struktur *majma'* yang telah tergendala sejak tahun 1919M. Dalam usaha tersebut, seorang presiden baharu telah dilantik, iaitu Idrīs Bek Raghīb (w. 1931M), bagi menggantikan presiden sebelumnya. Di bawah kepimpinan baharu ini, *majma'* tersebut menetapkan matlamat yang lebih jelas serta menyusun semula struktur organisasinya dengan lebih teratur. Bilangan jawatankuasa turut ditambah kepada 13 buah. Dalam masa yang sama, peraturan dalaman (*lā'iḥah dākhiliyyah*) yang mengandungi 14 fasal (*mawādd*) telah digubal bagi memperkemas tadbir urus *majm*a'. Institusi ini juga mula memberikan perhatian yang lebih serius terhadap penghasilan dan penyelarasan istilah-istilah ilmiah moden, khususnya dalam bidang seni, teknologi dan ilmu kontemporari. Pada peringkat awal, mesyuarat diadakan secara mingguan di kediaman presiden, yang mencerminkan tahap komitmen yang tinggi dalam kalangan ahlinya. Namun, pada peringkat seterusnya, mesyuarat hanya diadakan apabila diperlukan, terutamanya apabila timbul perbezaan pandangan dalam kalangan ahli. Walau bagaimanapun, meskipun pelbagai usaha pembaharuan telah dilaksanakan, *majma'* ini akhirnya turut dibubarkan, sebagaimana akademi-akademi bahasa yang ditubuhkan sebelumnya (Fathī Khalīl, 2012; Farīs al-'Asīmī, 2003).

5.4 *Fasa Keempat : Fasa Pra-Penubuhan Rasmi (Akhir Abad ke-19 sehingga Awal Abad ke-20)*

Dalam fasa ini, cadangan penubuhan majma' bahasa tidak lagi terbatas kepada seruan individu melalui akhbar dan karya penulisan semata-mata, tetapi mula dibincangkan dalam lingkungan pentadbiran kerajaan. Kesedaran tentang keperluan sebuah badan rasmi semakin kukuh kerana pertambahan kemasukan istilah asing, kekeliruan dalam penyelarasan istilah sains dan teknologi serta perbezaan penggunaan bahasa dalam pendidikan dan pentadbiran. Beberapa inisiatif awal telah dicuba sebelum ini, namun belum berjaya bertahan lama atau tidak mendapat sokongan politik yang mencukupi. Keadaan ini mendorong usaha yang lebih sistematik untuk mewujudkan sebuah institusi tetap di bawah naungan kerajaan (Fathī Khalīl, 2012; Farīs al-'Asīmī, 2003).

Kemuncak fasa ini berlaku apabila usaha meyakinkan pihak pemerintah Mesir akhirnya membuahkan hasil pada abad ke-20. Pada 13 Disember 1932, satu perintah diraja telah dikeluarkan bagi menubuhkan *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* di Kaherah, yang pada awalnya dinamakan *al-Majma' al-Malakī li al-Lughah al-'Arabiyyah* dan ditadbir di bawah Kementerian Pendidikan *(Wizārat al-Ma'ārif*). Perintah tersebut menetapkan bahawa majma' hendaklah terdiri daripada dua puluh orang ahli yang mahir dalam bidang bahasa Arab, tanpa terikat kepada kewarganegaraan tertentu. Ahli-ahli dilantik melalui perkenan diraja atas cadangan Menteri Pendidikan, manakala pemilihan seterusnya dibuat melalui undian dalam kalangan anggota. Persidangan pertama majma' diadakan pada 30 Januari 1934, dan dalam tempoh awal penubuhannya, majma' menggubal peraturan dalaman, menetapkan objektif utama seperti penyelarasan istilah, kajian tatabahasa, penggubalan kaedah ta'rīb serta penyusunan kamus. Fasa ini menandakan bermulanya penginstitusian rasmi dalam usaha pemeliharaan dan pemodenan bahasa Arab secara terancang dan berautoriti (Fathī Khalīl, 2012; Farīs al-'Asīmī, 2003).

6. Sumbangan Akademi Bahasa Arab Kaherah (ALAC) Kepada Perkembangan Bahasa Arab Standard Moden (MSA)

6.1 *Pembinaan Korpus Bahasa (Corpus Planning)*

ALAC memainkan peranan utama dalam pembinaan korpus bahasa melalui penggubalan istilah baharu dalam pelbagai bidang ilmu. Usaha ini merupakan teras kepada corpus planning, iaitu proses memperkaya dan menstrukturkan bahasa agar mampu menampung perkembangan konsep moden (Cooper, 1989). Dalam konteks ini, ALAC tidak sekadar mencipta istilah secara rawak, tetapi menggunakan pendekatan linguistik yang sistematik dan berasaskan prinsip asli bahasa Arab.

Pendekatan yang digunakan termasuk derivasi (*isytiqāq*), analogi (*qiyās*), penggabungan kata (*naḥt*) dan arabisasi (ta'rīb). *Isytiqāq* merujuk kepada pembentukan kata baharu daripada kata akar sedia ada, yang membolehkan istilah moden dihasilkan mengikut kaedah morfologi bahasa Arab. *Qiyās* pula melibatkan penggunaan pola (*wazan*) sedia ada untuk membentuk istilah baharu berdasarkan kesepadanan makna. Sementara itu, *naḥt* digunakan untuk menggabungkan dua atau lebih perkataan menjadi satu bentuk baharu, manakala *ta'rīb* melibatkan penyesuaian istilah asing ke dalam sistem fonologi dan morfologi bahasa Arab (Al-Ḥamzāwī, 1988). Pendekatan-pendekatan ini menunjukkan bahawa ALAC berusaha mengekalkan keseimbangan antara pemeliharaan identiti linguistik dan keperluan bahasa moden.

Jadual 1: Contoh Istilah Standardisasi ALAC Mengikut Bidang

Bidang	Istilah Arab	Asal	Kaedah yang digunakan
Teknologi	ḥāsūb	Computer	*isytiqāq*
Komunikasi	hātif	Telephone	qiyās
Media	tilfāz	Television	Ta'rīb
Perubatan	jirāḥah	Surgery	Isytiqāq

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa ALAC tidak bergantung kepada satu kaedah sahaja, sebaliknya mengaplikasikan pelbagai kaedah bergantung kepada kesesuaian istilah. Sebagai contoh, istilah *ḥāsūb* terhasil melalui *isytiqāq* daripada akar kata yang membawa makna "menghitung", sekali gus mencerminkan fungsi utama komputer. Manakala istilah *tilfāz* pula menunjukkan penggunaan *ta'rīb*, iaitu penyesuaian istilah asing agar selaras dengan sistem fonologi bahasa Arab. Pendekatan yang fleksibel ini membolehkan penghasilan istilah bahasa Arab lebih bersifat semantik, dan mudah digunakan dalam konteks sebenar.

Selain itu, pembinaan korpus yang dilakukan ALAC juga menyumbang kepada pengurangan kebergantungan terhadap istilah asing, yang sering dilihat sebagai ancaman kepada keaslian bahasa. Dengan padanan istilah yang standard dan sistematik ini, ALAC membantu memastikan bahawa perkembangan bahasa Arab berlaku secara terkawal dan berstruktur.

Walau bagaimanapun , keberkesanan usaha ini tidak boleh diukur semata-mata berdasarkan penghasilan istilah. Sebaliknya, ia perlu dinilai berdasarkan tahap penerimaan sosial dan penggunaan sebenar dalam masyarakat. Misalnya, penggunaan istilah *tilfāz* masih bersaing dengan bentuk pinjaman dalam komunikasi tidak formal, sekali gus menunjukkan bahawa legitimasi institusi tidak semestinya menjamin penerimaan masyarakat secara menyeluruh.

6.2 *Pembangunan Leksikografi Moden*

ALAC turut menyumbang secara signifikan dalam bidang leksikografi melalui penerbitan kamus autoritatif seperti *al-Mu'jam al-Wasīṭ* dan *al-Mu'jam al-Kabīr*. Kamus ini dianggap sebagai antara karya utama ALAC kerana ia disusun secara sistematik, menggabungkan warisan leksikografi klasik dengan keperluan bahasa Arab moden, serta diterbitkan secara rasmi di bawah seliaan akademi sebagai rujukan standard. *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* berfungsi sebagai kamus bahasa Arab kontemporari yang menyajikan definisi kata secara jelas dan teratur, disertai contoh penggunaan dalam konteks semasa.

Kamus ini turut memasukkan istilah-istilah baharu dalam bidang sains, teknologi dan pentadbiran, sekali gus menjadikannya sumber rujukan penting dalam pendidikan, media dan penulisan akademik di dunia Arab. Adapun, penerbitan Al-Mu'jam Al-Kabir yang merupakan salah satu projek kamus terbesar yang mencakup berbagai kata dan istilah dalam bahasa Arab. Kamus ini bertujuan untuk mendokumentasikan bahasa Arab secara mendalam, termasuk variasi dialek dan perubahan semantik dari masa ke semasa.

Peranan leksikografi ini melangkaui dokumentasi kosa kata semata-mata, sebaliknya menjadi asas kepada standardisasi bahasa dan pembangunan korpus digital bahasa Arab. Walau bagaimanapun, penggunaannya lebih dominan dalam domain formal, manakala dalam domain tidak formal, variasi dialek terus mendominasi. Hal ini menunjukkan bahawa pengaruh standardisasi leksikografi mempunyai keterbatasan dalam membentuk amalan linguistik masyarakat secara menyeluruh.

6.3 *Reformasi Tatabahasa (Taysīr al-Naḥw)*

Sumbangan ALAC dalam reformasi tatabahasa melalui pendekatan taysīr al-naḥw mencerminkan usaha adaptasi bahasa terhadap keperluan pendidikan moden. Reformasi ini melibatkan penyederhanaan struktur nahu tanpa menjejaskan prinsip asas bahasa Arab klasik, sekali gus meningkatkan kebolehcapaian bahasa kepada pelajar dan pengguna baharu.

Walau bagaimanapun, keberkesanan reformasi ini bergantung kepada pelaksanaannya dalam sistem pendidikan serta penerimaan masyarakat. Cabaran utama yang dihadapi ialah kewujudan diglosia, iaitu perbezaan ketara antara MSA dan dialek tempatan, yang terus mempengaruhi proses pembelajaran dan penggunaan bahasa.

6.4 *Perancangan Status (Status Planning) dan Standardisasi*

Dalam elemen *status planning*, ALAC memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan MSA sebagai bahasa rasmi dalam pendidikan, media dan pentadbiran. Standardisasi ini menjadikan MSA sebagai lingua franca dalam dunia Arab, sekali gus memudahkan komunikasi antara penutur daripada pelbagai dialek yang berbeza.

Dari sudut perbandingan, ALAC dilihat lebih dominan berbanding Akademi Bahasa Arab Damsyik dan Akademi Bahasa Arab Iraq. Akademi Damsyik lebih menumpukan kepada pemeliharaan warisan bahasa klasik, manakala akademi Iraq memberi penekanan kepada aspek pendidikan. Sebaliknya, ALAC menonjol sebagai institusi yang lebih sistematik dalam pembinaan istilah moden dan standardisasi antarabangsa, disokong oleh kedudukan Kaherah sebagai pusat intelektual dunia Arab.

7. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa ALAC memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan Bahasa Arab Standard Moden melalui usaha corpus planning, pembangunan leksikografi dan standardisasi bahasa. Namun demikian, analisis kritikal mendapati bahawa keberkesanan perancangan bahasa oleh ALAC adalah terhad oleh faktor sosial dan sosiolinguistik, khususnya fenomena diglosia dan perubahan lanskap komunikasi dalam era digital.

Dapatan ini menegaskan bahawa kejayaan perancangan bahasa tidak hanya bergantung kepada autoriti institusi, tetapi turut memerlukan penerimaan masyarakat serta keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan budaya. Oleh itu, masa depan bahasa Arab bukan sahaja terletak pada usaha standardisasi, tetapi juga pada kemampuan institusi seperti ALAC untuk bertransformasi dalam menghadapi cabaran globalisasi linguistik.

Rujukan

Aboelezz, M. (2016). A History of the Arabic Language and the Origin of Non-dominant Varieties of Arabic. In R. Muhr, K. E. Fonyuy, Z. Ibrahim, & C. Miller (Eds.), *Pluricentric Languages Across Continents: Features and usage*, 175-187.

Al-Ḥamzāwī, M. R. (1988). *A'māl Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah bi al-Qāhirah Manāhij Tarqiyyah al-Lughah Tanẓīran wa Muṣṭalaḥan wa Mu'jaman*. Bayrūt: Dār al-Gharbi al-Islāmiyyi.

Al-Huri, I. (2015). Arabic language: Historic and sociolinguistic characteristics. *Academia Research Publishing Group, 1*(4), 28-36.

Boudelaa, S., & Marslen-Wilson, W. D. (2010). Aralex: lexical database for Modern Standard Arabic. *Behaviour Research Methods*, 42(2), 481-287.

Carl Brockelmann. (1977). *Fiqh al-Lughat al-Samiyyah*. Terj. Ramadan 'Abd al-Tawwab. Riyad: Matba'ah Jami'at al-Riyad.

Crystal, D. (2000). *Language Death*. Cambridge University Press.

Cooper, R. L. (1989). *Language Planning and Social Change*. Cambridge University Press.

Ḍayf, S. (1984). *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah fī Khamsīna 'Āman*. Al-Qāhirah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah

De Lacy O'Leary. (1951). *Colloquial Arabic*. London: Routledge & Kegan Paul LTD.

Fathi Khalil, A, A. (2012). Juhūd 'ulamā' al-Kuliyyah fī Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. In *Kulliyyah al-Lughah al-ʿArabiyyah bi al-Qāhirah wa thamānūna ʿāman fī khidmat al-lughah al-ʿArabiyyah wa ḥimāyatiḥā: Al-nadwah al-ʿilmiyyah al-ūlā*. Fakulti Bahasa Arab Kaherah, Universiti al-Azhar.

Fishman, J. A. (1991). *Reversing Language Shift*. Multilingual Matters.

Ghanim Qaduri al-Hamd. (2005). *Abhath fi al-'Arabiyyah al-Fusha*. Amman: Dar 'Ammar.

Gotthelf Bergstrasser. (1994). *al-Tatawwur al-Nahwi li al-Lughah al-'Arabiyyah*. Terj. Ramadan 'Abd al-Tawwab. Kaherah: Maktabat al-Khanji.

Ḥāfiẓ Ibrāhīm. *Dīwān Ḥāfiẓ Ibrāhīm*. Kaherah: Dār al-Maʿārif.

Haugen, E. (1983). The implementation of corpus planning.

Holes, C. (2004). *Modern Arabic: Structures, Functions, and Varieties*. Georgetown University Press.

Muhammad Abu Saidah, Khatim Mustafa. (2021). Isham al-Taghrib fi al-'amal al-Lughawi bi al-Kaherah Louis Massignon An-Muzijan. *Jurnal Kuliyyah al-Lughah al-'Arabiyyah bi al-Manufiah*, 36, 4207-4307.

UNESCO (2010). Atlas of the World's Languages in Danger.

Ryding, K. C. (2005). A reference grammar of modern standard Arabic. Cambridge University Press.

Setiyadi A.C. (2011). Dialek bahasa Arab Tinjauan Dialektogis. *Jurnal At-Ta'dib*, *6*(1), 127-146.

Versteegh, K. (1997). *The Arabic language*. Colombia University Press.

Versteegh, K. (2014). The Arabic language (2nd ed.). Edinburgh University Press.

Zainur Rijal Abdul Razak, (2023). Pertembungan penggunaan perkataan Arab dengan tamadun barat: Pemerhatian deskriptif dalam akhbar Arab: The clash of Arabic word usage with western civilization: A descriptive observation on Arabic newspaper. Al-Azkiyaa - *International Journal of Language and Education, 2*(1), 15–31.